

18/07/1998

Dakwaan Bersekutu jejas peluang BN disangkal

KOTA BELUD, Jumaat - Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Salleh Tun Said menyangkal dakwaan konon kemunculan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu) menjejaskan peluang Barisan Nasional (BN) mengekalkan kawasan pengundi Bumiputera Islam di negeri ini.

Sebaliknya, beliau yakin Umno bukan saja mudah mengekalkan kawasan yang dikuasai sekarang, malah boleh memenangi kawasan baru yang mungkin diperuntukkan pada pilihan raya negeri akan datang.

Menurutnya, masyarakat Bumiputera Islam di Sabah cukup matang membuat penilaian terhadap tipu muslihat dan dakyah pembangkang terutama Bersekutu dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

"Justeru dalam pilihan raya negeri nanti, masyarakat Bumiputera Islam harus menolak parti pembangkang dan menjadikan Umno pilihan terbaik," katanya selepas mengadakan pertemuan dengan penduduk Kampung Lasau, Kadamaian, di sini hari ini.

Mengenai kenyataan bahawa keputusan pilihan raya kecil Parlimen Arau menunjukkan bahawa tiada kawasan selamat bagi BN di negeri ini, Mohd Salleh berkata keadaan di Arau dan Sabah adalah berbeza.

"Saya ingin menyatakan bahawa keputusan di Arau (yang memihak kepada pembangkang) adalah kes berasingan yang khusus," katanya.

Beliau menegaskan sejarah politik Sabah menunjukkan masyarakat Kadazandusun tidak pernah bersikap anti-Persekutuan atau anti-BN.

"Secara umum, masyarakat Kadazan dusun bersikap toleransi dan sederhana kecuali segelintir pemimpin yang mementingkan diri sendiri dan perjuangan politik mereka," katanya.

Terdahulu ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan makanan kepada mangsa kemarau sumbangan Petronas, Mohd Salleh mengajak rakyat negeri ini memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kegawatan ekonomi sekarang.

Menurutnya, kegawatan yang dihadapi sekarang adalah perbuatan anasir luar yang cemburu dengan kemajuan dicapai negara, justeru pimpinan kerajaan harus diberi sokongan padu mengatasinya.

Beliau menegaskan rakyat perlu bersatu hati di bawah satu kepimpinan dalam memerangi anasir luar yang cuba merosakkan negara.

(END)